

CPR pesakit atas lantai

HKL perjas mengenai
hantaran tular pesakit
dirawat atas lantai

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

KUALA LUMPUR

Hospital Kuala Lumpur (HKL) tampil memberi penjelasan berhubung satu hantaran mengenai seorang pesakit yang dikatakan menerima rawatan di atas lantai hospital itu baru-baru ini.

Pengarahnya, Datuk Dr Heric Corray berkata, pesakit terlibat sebelum ini telah dibawa ke Jabatan Kecemasan dan Trauma HKL namun secara tiba-tiba berada dalam keadaan tidak sedarkan diri dan tiada denyutan nadi.

Beliau berkata, pada masa sama, semua katil telah digunakan dan permukaan lantai yang rata merupakan satu kaedah terbaik bagi melakukan bantuan resusitasi kardiopulmonari

(CPR) ke atas pesakit terlibat.

“Namun begitu, pesakit tidak dapat diselamatkan dan oleh kerana punca kematian tidak dapat dikenal pasti, jenazah telah dihantar ke Jabatan Perubatan Forensik HKL bagi menjalani bedah siasat,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Sebelum ini, seorang individu dipercayai kakitangan HKL mendedahkan menerusi laman sosial mengenai situasi hospital itu yang dikatakan sudah tidak mampu untuk menampung pesakit baharu malah ada antaranya perlu menerima rawatan CPR di atas lantai.

Selain itu, individu berkenaan turut mendakwa pertambahan jumlah pesakit di hospital itu pada masa ini menyebabkan bilangan katil termasuk katil kanvas tidak mencukupi sehingga ada yang terpaksa menunggu di atas kerusi dan kerusi roda sahaja.


Dalam pada itu, Dr Heric berkata, penggunaan katil di HKL pada masa kini adalah meningkat berikutan terdapat pertambahan penerimaan kes Covid-19 yang kebanyakannya berada pada tahap 4.

FOTO TULAR



ta lagi saya nak cari katil ni. Bukan setakat katil, canvas semua dah habis.”
spected me to give her the answer where the bed be found. She definitely knew better. But it was a . A cry that we're not supposed to show to our relatives. A cry that was supposed to be done in nce to show that you're "professional".

ally gone too far. People are dying everyday. And it's really depressing to see and decide who needs to go first. No one will ever understand what we're going through in here. People came asking for help to save their family members when we ourselves are already hopeless. We can only do our best. But unfortunately "our best" will never be enough.



(Picture taken with consent - we had to do a procedure literally on the floor or else patient will continue to have difficulty to breathe and may eventually die)

Tangkap layar hantaran yang dimuat naik oleh individu berkenaan tular di laman sosial berhubung situasi pesakit di HKL.